



## **HOME OWNERSHIP PROGRAMME (HOPE)**

### **1. Apakah Home Ownership Programme (HOPE)?**

HOPE adalah salah satu usaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat dengan menfokus kepada empat (4) komponen iaitu :-

- i. Penyedia Perumahan
- ii. Pembiayaan (i-biaya)
- iii. Program/Promosi dan
- iv. Polisi.

### **2. Siapakah yang menjadi fokus sasaran utama bagi program HOPE?**

Rakyat berpendapatan rendah dan sederhana terutamanya dalam kumpulan B40.

### **3. Apa itu Penyedia Perumahan?**

Ia merupakan senarai bekalan rumah mampu milik yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan mahupun pihak swasta.

Antaranya termasuklah program rumah mampu milik di bawah KPKT iaitu :

- i. Program Perumahan Rakyat (PPR),
- ii. Perumahan Penjawatan Awam (PPAM),
- iii. Rumah Mesra Rakyat (RMR),
- iv. Rumah Transit Belia (RTB),
- v. Perumahan PR1MA
- vi. Kediaman SPNB.

Program perumahan mampu milik lain yang turut disediakan oleh Kerajaan adalah seperti :

- i. Residensi Prihatin,
- ii. Residensi Wilayah,

- iii. Satu Anggota Satu Rumah,
  - iv. Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan lain – lain.
4. **Adakah projek perumahan yang melibatkan rumah berharga RM300,000 dan ke bawah yang dibangunkan oleh pemaju perumahan juga termasuk di bawah komponen penyedia perumahan?**
- Ya. Ia juga termasuk di bawah komponen penyedia perumahan.
5. **Berapakah bilangan produk perumahan mampu milik yang disediakan oleh agensi penyedia perumahan di peringkat Kerajaan Persekutuan?**
- Sehingga Februari 2022, terdapat 23 produk perumahan mampu milik yang disediakan oleh agensi penyedia perumahan di peringkat Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan oleh tujuh (7) kementerian iaitu :
- 1) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
  - 2) Jabatan Perdana Menteri (JPM)
  - 3) Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)
  - 4) Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)
  - 5) Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)
  - 6) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)
  - 7) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)
- Berdasarkan maklumat NAPIC (Q3, 2022) jumlah stok rumah mampu milik sedia ada pada masa ini (Q3, 2022) ialah sebanyak 7,743 unit. Menjelang tahun 2025, sebanyak 386,078 unit RMM akan disediakan bagi memastikan hasrat 1 KELUARGA, 1 RUMAH direalisasikan.
6. **Siapakah Rakan Strategik dalam program HOPE ini?**

- Antara rakan strategik dalam program ini adalah daripada :
- i. kumpulan industri ekonomi gig (Grab, food panda dan sebagainya),
  - ii. Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services (CUEPACS),
  - iii. Persatuan Nelayan/ Petani/ Peladang,
  - iv. Persatuan Pemandu Teksi/ Lori/ Bas,
  - v. Persatuan Penjaja/ Peniaga Kecil/ Usahawan Wanita,
  - vi. Majlis Belia Malaysia, Ahli Sukan,
  - vii. Persatuan Seniman/ Artis,
  - viii. Persatuan-persatuan Graduan/ Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan,
  - ix. Influencer/ youtuber dan juga mana-mana kumpulan sasar yang berkaitan.

## 7. Apa itu inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia (i-Biaya)?

Terdapat tiga (3) skim pembiayaan yang ditawarkan iaitu :-

- i. **Skim Jaminan Kredit Perumahan** yang ditawarkan menerusi Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) Berhad,
- ii. **Skim Rumah Pertamaku (SRP)** oleh Syarikat Cagamas Berhad (Cagamas) dan
- iii. **Skim rent-to-own** oleh Perbadanan PR1MA Malaysia.

## 8. Apakah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dan Skim Rumah Pertamaku (SRP)?

SKIM JAMINAN PERUMAHAN (SJKP)	KREDIT	SKIM RUMAH PERTAMAKU (SRP)
<ul style="list-style-type: none"><li>• SJKP memberi sokongan kepada mereka yang <b>tidak mempunyai dokumentasi lazim pinjaman perumahan</b> seperti slip gaji, berpendapatan rendah, KWSP dan sebagainya.</li><li>• Membantu pembeli rumah pertama yang <b>tidak mempunyai pendapatan tetap</b> seperti pekerja ekonomi gig dan bebas, pemilik perniagaan, peniaga atau usahawan kecil.</li><li>• Peminjam akan mendapat pembiayaan <b>lebih tinggi sehingga 100%</b>.</li></ul>		<ul style="list-style-type: none"><li>• SRP membantu pembeli rumah pertama memiliki sebuah rumah <b>tanpa perlu membayar wang pendahuluan</b>.</li><li>• Membolehkan pembeli mendapat <b>pembiayaan sehingga 110%</b> daripada bank-bank yang terlibat bagi membolehkan mereka untuk memiliki rumah tanpa perlu membayar wang pendahuluan</li></ul>

## 9. Siapakah yang layak untuk Skim ini?

SKIM PERUMAHAN (SJKP)	JAMINAN KREDIT	SKIM RUMAH PERTAMAKU (SRP)
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas.</li> <li>2. Merupakan pembeli rumah pertama.</li> <li>3. Pemohon boleh membuat pembelian rumah kediaman baru, dalam pembinaan, sedia ada atau lelongan.</li> <li>4. Pendapatan kasar bulanan isi rumah RM1000 ke atas.</li> <li>5. Pemohon tiada rekod tertunggak (CCRIS) melebihi 2 bulan bagi tempoh 12 bulan terkini dan tiada lain-lain rekod kredit yang negatif dalam tempoh 24 bulan</li> </ol>		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.</li> <li>2. Merupakan pembeli rumah pertama dengan pendapatan kasar bulanan isi rumah tidak lebih daripada RM5,000.</li> <li>3. Pemohon dengan pendapatan kasar bulanan isi rumah tidak lebih RM10,000 adalah layak bagi pemohon bersama (berdasarkan pendapatan kasar bulanan maksimum tidak lebih daripada RM5,000 bagi setiap pemohon).</li> <li>4. Tiada rekod pembiayaan terjejas dalam tempoh 12 bulan serta had umur pemohon adalah bergantung kepada tempoh pembiayaan.</li> </ol>


**10. Dimanakah pemohon boleh memohon pembiayaan di bawah Skim SKJP atau SRP ini?**

Permohonan boleh dibuat di mana-mana cawangan bank-bank yang mengambil bahagian di dalam Skim ini seperti dibawah:-

SKIM PERUMAHAN (SJKP)	JAMINAN	KREDIT	SKIM RUMAH PERTAMAKU (SRP)
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agro Bank</li> <li>• Bank Muamalat</li> <li>• Bank Rakyat</li> <li>• BSN</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Affin Bank</li> <li>• Affin Islamic Bank</li> <li>• Alliance Bank</li> <li>• Alliance Islamic Bank</li> <li>• AmBank (M) Berhad</li> <li>• AmBank Islamic Berhad</li> <li>• Bank Islam Malaysia Berhad</li> <li>• Bank Muamalat Malaysia Berhad</li> <li>• Bank of China (Malaysia) BHD</li> <li>• CIMB Bank Berhad</li> <li>• CIMB Islamic Bank Berhad</li> <li>• Hong Leong Bank Berhad</li> <li>• Hong Leong Islamic Bank Berhad</li> <li>• Malayan Banking Berhad</li> <li>• Maybank Islamic Berhad</li> <li>• Public Bank Berhad</li> <li>• Public Islamic Bank Berhad</li> <li>• RHB Bank Berhad</li> <li>• RHB Islamic Bank Berhad</li> <li>• United Overseas Bank (Malaysia) Berhad</li> </ul>

## 11. Bagaimakah cara ingin memohon SJKP?

### CARTA ALIR CARA PERMOHONAN (SJKP)



## 12. Bagaimakah cara ingin memohon SRP?

### CARTA ALIR CARA PERMOHONAN (SRP)

